UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI

8 Oktober 2020

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|---|---|
| Utusan Malaysia | • |
| Berita Harian | • |
| Harian Metro | • 1,000 ikan mati alat bekal oksigen rosak |
| Kosmo ! | • |
| Sinar Harian | • |
| The Star | • |
| New Straits Time | • |
| Nanyang Siang Pau | • |
| Malaysia Gazette | • |
| Harakah | • |
| Malaysia Dateline | • |
| Bernama | • |
| See Hua Daily News (Kuching) | • |
| Guan Ming Daily | • |
| Sin Chew Daily | • |

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| *UTUSAN MALAYSIA* | | *KOSMO !* | | *THE STAR* | | *NANYANG SIANG PAU* | | | |
| *BERITA HARIAN* | | *SINAR HARIAN* | | *THE SUN* | | *ORIENTAL DAILY* | | | |
| *HARIAN METRO* | ✓ | *NEW STRAITS TIMES* | | *THE MALAY MAIL* | | *PELBAGAI* | | | |
| *KATEGORI LIPUTAN :* | *POSITIF* | | *NEGATIF* | | *NEUTRAL* | | | 19 | 8/10/2020 |

HM M/S 19 8/10/2020

# 1,000 ikan mati alat bekal oksigen rosak

**Seremban:** Kira-kira 1,000 ikan di dua kolam rekreasi milik Universiti Teknologi Mara (UiTM) Seremban 3 di sini, mati akibat kekurangan oksigen terlarut di dalam kolam berkenaan, Isnin lalu.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip berkata, pihaknya menerima aduan daripada pihak pengurusan UiTM Seremban 3 mengenai kejadian itu Isnin lalu, sebelum ke lokasi untuk membuat siasatan.

"Hasil siasatan mendapati kira-kira 80 ikan dalam kolam berkenaan mati disebabkan kekurangan oksigen terlarut kurang daripada paras sepatutnya.

"Terdapat tiga jenis ikan dalam kolam berkenaan iaitu tilapia, lampam jawa dan baung pelbagai saiz.

"Kolam berkenaan diselia oleh UiTM sebagai ternakan rekreasi dan aktiviti pembelajaran luar kelas bagi pelajar seperti mengocar dan sebagainya," katanya di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Halimi berkata, pihaknya membantu pengurusan UiTM Seremban 3 dengan membekalkan benih ikan dan penyeliaan seterusnya dilakukan pihak pengurusan universiti itu.

"Secara purata terdapat pelbagai saiz ikan di dalam kolam berkenaan dan ada sebahagiannya yang sudah membesar dan boleh dinaikkan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan berkata, pihaknya sudah menerima laporan berkenaan berpuluh-puluh ikan mati di kolam takungan UiTM Seremban 3.



IKAN di dua kolam milik UiTM Seremban 3 mati akibat kekurangan oksigen.